

# 'MALAY - DILEMMA:' PM NAFI DAKWAAN

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menafikan dakwaan pembangkang buku 'Malay Dilemma' tulisannya menimbulkan ketakutan di kalangan rakyat bukan bumiputera.

Sebahagian dari pendapat yang terkandung dalam buku itu juga, katanya, tidak lagi berasas dalam konteks zaman pembangunan sekarang.

Perdana Menteri menjelaskan demikian kepada beberapa soalan mengenai 'Malay Dilemma' yang dibangkit di Dewan Rakyat.

Encik Karpal Singh (DAP-Jelutong) bertanya sama ada Datuk Seri Dr. Mahathir bercadang mengurangkan kebimbangan rakyat dengan menghapuskan pandangan ekstrimis yang tercatat dalam 'Malay Dilemma'.

"Sebenarnya, tidak ada perasaan ketakutan di kalangan rakyat kerana pandangan-pandangan dalam buku 'Malay Dilemma', melainkan apa yang disemaikan dan digembar-gembur oleh ahli yang terhormat itu dan rakan-rakannya.

"Oleh itu saya tidak bercadang membuat apa-apa selain daripada memberi peluang kepada rakyat meneliti pendapat saya, dengan cara menghalalkan pengedaran buku itu," tegas Perdana Menteri.

Encik P. Patto (DAP-Mengelembu) kemudiannya bertanya sama ada pandangan dan fikiran dalam 'Malay Dilemma' itu masih dipegang kuat oleh Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr. Mahathir menjawab: "Pandangan itu berdasarkan keadaan dalam tahun 1970." Sekarang kita telah melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Sebahagian dari pendapat itu tidak lagi mempunyai asas sekarang.

Encik Karpal Singh bertanya semula mengenai pandangan yang disifatkan ekstrimis dalam 'Malay Dilemma' dan Perdana Menteri sekali lagi menegaskan bahawa pandangan itu berkaitan dengan keadaan dan suasana sewaktu buku itu dihasilkan.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia